

# UMS bertuah miliki Naib Canselor berwawasan, komited

BH 24.11.2013 4

**Kota Kinabalu:** Rakyat Sabah bertuah kerana memiliki sebuah universiti yang diterajui Naib Canselor berwawasan dan komited untuk meningkatkan kualiti pendidikan tinggi rakyat, khususnya di negeri ini.

Bekas Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tan Sri Abdul Hamid Egeh, berkata Universiti Malaysia Sabah (UMS) memiliki kepemimpinan membanggakan sejak daripada Naib Canselor pertama yang diterajui Prof Emeritus Tan Sri Dr Abu Hassan Othman.

Beliau menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan) pada Majlis Konvokesyen Ke-15 UMS, berkata

perubahan dibawa empat Naib Canselor UMS sehingga kini berjaya melonjakkan universiti itu antara institusi pengajian tinggi terunggul di negara ini.

"Kita bertuah memiliki UMS yang diterajui Naib Canselor yang baik bermula daripada Naib Canselor yang pertama hinggalah yang sekarang.

## **Bawa perubahan**

"Mereka membawa perubahan menjadikan UMS bertambah baik dari setahun ke setahun," katanya selepas menerima ijazah kehormat daripada Yang di-Pertua Negeri Sabah yang juga Canselor



Abdul Hamid (kanan) **bersama penerima anugerah Profesor Emeritus UMS**, Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang juga bekas Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin pada Majlis Konvokesyen UMS Ke-15.

UMS, Tun Juhar Mahiruddin.

Turut hadir, Pro Canselor UMS, Tan Sri Dr Yeoh Tiong Lay; Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tun Zaki Azmi dan Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Abdul Hamid, 80 dilahirkan

di Kampung Tetabuan, Sandakan, pernah berkhidmat sebagai kerani Pejabat Residen Tawau pada zaman kolonial, Setiausaha Peribadi Yang di-Pertua Negeri Sabah, Pembantu Setiausaha Pertahanan dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah.